

14/07/1998

Krisis air selesai tahun depan

KUALA LUMPUR, Isnin - Krisis air yang dihadapi lebih 1.8 juta penduduk di Lembah Klang akan selesai sepenuhnya tahun depan berikutan persetujuan kerajaan Selangor memeterai perjanjian dengan Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB) untuk membekalkan tambahan 1,003 juta liter air.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata projek itu akan dilaksanakan dalam dua fasa dengan peringkat pertama membabitkan bekalan 501 juta liter air, dijadual selesai sebelum 31 Disember ini.

Menurutnya, fasa kedua yang membekalkan 501 juta liter air lagi yang sepatutnya siap 31 Disember 1999, juga akan dipercepatkan.

"Kita sudah meluluskan peruntukan tambahan RM50 juta bagi menyegerakan kedua-dua projek itu," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, sementara menunggu projek berkenaan siap, kerajaan sedang melaksanakan dua lagi projek yang dijangka selesai Ogos depan bagi menyelesaikan masalah bekalan air semasa di Lembah Klang.

"Sebuah loji berharga RM137 juta akan dibina di Wangsa Maju untuk mendapatkan air dari Empangan Genting Klang yang dijangka dapat menyelesaikan masalah air di kawasan persekitarannya.

"Selain itu, rundingan sedang dijalankan dengan sebuah syarikat swasta mengenai kontrak berharga RM29 juta bagi membekalkan 202.5 juta liter sehari ke Wangsa Maju dan kawasan sekitarnya," katanya.

Berdasarkan perancangan projek itu, katanya, catuan air ke beberapa kawasan di Lembah Klang akan dimansuhkan secara berperingkat sehingga bekalan air kembali normal selewat-lewatnya 31 Disember tahun depan.

Menurut Samy Vellu, Majlis Sumber Air Negara (MSAN) pula akan merumuskan strategi jangka panjang bagi memastikan negara tidak lagi menghadapi krisis bekalan air.

"Pada mesyuarat pertama MSAN 30 Jun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah memberi taklimat mengenai projek menyalurkan air dari Telemong, Pahang ke Sungai Gombak.

"Terowong sepanjang 37 kilometer akan dibina membabitkan perbelanjaan RM1 bilion dan dijangka mengambil masa tiga tahun untuk selesai jika rancangan ini menerima kelulusan Kabinet.

"MSAN juga akan bertindak sebagai orang tengah bagi menguruskan proses pengagihan serta penghantaran air di antara kerajaan negeri, selain menyediakan statistik mengenai kemampuan bekalan air mengikut negeri," katanya.

(END)